

Perpaduan antara kaum kunci kebahagiaan hidup

RM 17 APR 1983

KOTA BAHARU, Sabtu- Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi menyeru rakyat mengekalkan perpaduan yang sedia terjalin antara kaum-kaum di negara ini kerana dengan perpaduan sahajalah kejayaan hidup akan dapat dicapai sepenuhnya.

B e l i a u mengingatkan rakyat, mengenai pentingnya perpaduan diwujudkan di kalangan mereka, kerana sekiranya mereka mengeneipkan perpaduan, kerana sekiranya mereka mengeneipkan perpaduan, ia samalah seperti menolak nikmat hidup di dunia.

Sebab itu, tambahnya, lebih banyak lagi usaha ke arah mengekalkan perpaduan perlu ditekankan di kalangan rakyat yang berbilang kaum dan agama di negara ini.

"Tetapi malangnya di saat kita sedang giat ke arah itu, ada setengah golongan yang menimbulkan perpecahan, kera-

na perbezaan pendapat dan sebagainya."

Perdana Menteri berucap demikian setibanya di lapangan terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Cepa dekat sini, sempena lawatannya untuk merasmikan mesyuarat agung perwakilan Umno Bahagian Hulu Kelantan di Kuala Kerai dan muktamar agung Berjasa di sini hari ini.

Menteri Kewangan,

Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamad Nasir dan Menteri Besar, Datuk Haji Mohamad Yaakob, adalah antara kira-kira 5,000 orang yang menyambut ketibaannya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, dalam sebuah masyarakat majmuk, sudah tentu terdapat perbezaan pendapat dan fahaman teta-

pi ini hanya satu perkara kecil.

Perbezaan pendapat itu, tambahnya, tidak boleh membawa kepada perpecahan yang berpanjangan sekiranya tidak ditokok tambah dengan fahaman politik yang sempit dan kotor.

Bagaimanapun, beliau berbangga kerana sudah ada petanda baik bahawa usaha kerajaan untuk mengekalkan perpaduan telah berjaya di kalangan rakyat di Kelantan.

Kerajaan Barisan Nasional tidak ada niat lain selain dari untuk memberi kebaikan dan kebahagiaan hidup kepada rakyat negara ini, kerana hasrat kerajaan ialah untuk mewujudkan sebuah negara yang aman damai, Datuk Seri Dr. Mahathir menekankan.